

Industri sokongan makin penting: PM

MUAR, Khamis — Usahawan Malaysia, terutama Bumiputera perlu menyertai industri sokongan di bidang elektronik untuk meningkatkan hubungan di antara syarikat induk dan tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu kerana dua isu utama yang dihadapi oleh industri negara ialah rendahnya penyertaan usahawan Malaysia dan kurangnya hubungan di antara industri elektronik serta industri sokongan.

Sehubungan itu, katanya, syarikat elektronik asing yang melabur di negara ini perlu meningkatkan penggunaan bahan dan mewujudkan hubu-

ngan dengan industri tempatan sebelum layak diberi insentif percukaian.

"Pelabur hendaklah menyambut baik syarat itu kerana mereka boleh menikmati pembekalan komponen dengan mudah, penghantaran cepat dan perkhidmatan teknikal yang baik.

"Syarat itu juga dapat mengatasi kenaikan harga komponen daripada Jepun berikutan meningkatnya yen dan langkah itu juga membolehkan syarikat dapat komponen murah tanpa mengetepikan mutu.

"Langkah itu membolehkan industri kecil dan sederhana (IKS) dapat berfungsi penting sebagai pembekal barangan dan komponen kepada syari-

kat besar yang terbabit dalam pembuatan.

"Usaha itu juga terpaksa diambil kerana kerajaan memandang berat kurangnya penyertaan rakyat Malaysia dan kekurangan pertalian di antara industri elektronik dan industri sokongan tempatan," katanya ketika berucap merasmikan kilang Pioneer Technology (M) Sdn Bhd (Pioneer) di kawasan Perindustrian Tanjung Agas di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar; Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman dan Duta Jepun ke Malaysia, Taizo Nakamura.

Dr Mahathir berkata, matlamat utama kerajaan untuk mempelbagaikan industri bukan saja untuk menghasilkan pelbagai barangan elektronik, malah mewujudkan lebih banyak pertalian berkesan.

Menurutnya, firma Malaysia boleh memperolehi faedah daripada pemindehan teknologi, khususnya di bidang pembuatan dan proses pemasangan, teknik jaminan mutu serta pengetahuan mengenai operasi pengurusan sekiranya terjalin hubungan dengan firma besar.

Beliau berkata, pembangunan dan penyelidikan (R & D) adalah penting dalam proses pembangunan dan diharap Pioneer mewujudkan R & D di negara ini.